

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date | 14 JAN 2015 |

Dana RM78j perkasa ekonomi bumiputera

um - 14/1/2015

PUTRAJAYA 13 Jan. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menggariskan beberapa agenda bagi memperkasakan ekonomi bumiputera dengan menyediakan peruntukan dana dan geran sebanyak RM78 juta pada tahun ini.

Beliau berkata, menerusi inisiatif tersebut, dana permulaan sebanyak RM50 juta akan disalurkan kepada Yayasan Waqaf Malaysia untuk melancarkan program peningkatan ekonomi dan pembudayaan wakaf bagi tempoh empat tahun sehingga 2019.

Menurut beliau, pada masa sama, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) akan menyediakan RM15 juta kepada Jawatankuasa Khas Majlis Ekonomi Bumiputera Sabah bagi melaksanakan program pembangunan kapasiti dan pembiayaan keusahawanan untuk tahun ini.

“Selain itu, kerajaan juga akan memperuntukkan sebanyak RM13 juta kepada 26 orang pemenang Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (Superb) bagi siri ketiga dan keempat untuk tahun 2014.

“Kalau kita mengambil kira jumlah yang berjaya dari siri satu hingga keempat, sebanyak 54 usahawan dipilih dan jumlah yang memohon agak ramai, bagaimanapun faktor kejayaan hanya 1.5 peratus sahaja. Ini bererti mereka yang berjaya

boleh dianggap sebagai terbaik dan diharap menjadi pemangkin serta pencetus kepada usahawan bumiputera baharu,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat majlis ekonomi bumiputera dan mengumumkan pemenang Superb BizPitch siri ketiga dan keempat 2014 di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Yang hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar dan Ketua Pegawai Eksekutif Teraju, Husni Salleh.

Dalam majlis itu, Perdana Menteri turut mengumumkan senarai 26 pemenang Superb bagi siri ketiga dan keempat akan menerima geran berjumlah RM500,000 bagi mengembangkan perniagaan masing-masing.

Najib berkata, kerajaan berhasrat mewujudkan sebanyak 200 hingga 300 usahawan bumiputera dalam tempoh tiga tahun menerusi program Superb.

“Sejak program itu diadakan pada tahun pertama, lebih 4,000 usahawan bumiputera di seluruh negara telah memohon menyertainya,” jelasnya.

Pada masa sama, beliau turut menggesa syarikat lain seperti Perbadanan Usahawan Nasional Ber-

had (PUNB) dan agensi pemberi dana lain memberi bantuan kepada peserta yang tidak berjaya dengan menyediakan program lain.

Sementara itu katanya, dalam mesyuarat tersebut kerajaan juga membincangkan kedudukan peniaga dan usahawan yang terlibat dalam banjir besar baru-baru ini untuk diberikan pertolongan bagi memulihkan perniagaan masing-masing.

Beliau berkata, satu langkah akan diambil bagi membantu semua jenis perniagaan yang terlibat, tidak kira sama ada perniagaan tersebut merupakan syarikat teras atau penerima pemudah cara dana kerajaan.

“Mereka semua ini memerlukan pertolongan daripada kerajaan untuk memulih dan menyambung semula perniagaan masing-masing. Sehubungan itu, satu langkah akan diambil iaitu semua jenis perniagaan yang terlibat bukan saja syarikat teras dan penerima pemudah cara dana daripada kerajaan termasuk peruncit dan peniaga warung yang memerlukan pertolongan, perlu kita senaraikan.

“Selepas mendapat gambaran secara komprehensif, kerajaan boleh menentukan apa bentuk pertolongan yang hendak diberikan khusus kepada golongan peniaga,” katanya.